


BAHAGIAN IV  
LENCANA JAYA



### SUKATAN PELAJARAN LENCANA JAYA

#### CITA-CITA PENGAKAP

1. Mengetahui organisasi Biro Pengakap Sedunia dan Biro Wilayah Asia Pasifik.
2. Mengetahui sejarah tertubuhnya Malaysia.
3. Melukis dan menerangkan erti Jata Kebangsaan dan Lambang Negeri masing-masing.
4. Mengetahui tugas kerja Dewan Undangan Negeri.
5. Mengenali dan mengetahui nama penuh Ketua Pengakap Negara dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

#### KECERGASAN DAN KESEGERAN JASMANI

1. Mengetahui latihan asas perbarisan: hormat masa berjalan (ke hadapan hormat, ke kanan/kiri hormat), belakang pusing masa berjalan dan cara menerima sijil/hadiah/anugerah (hormat terima sijil).
2. Lanjutan latihan perbarisan kawat tongkat pengakap semasa berjalan.
3. Tahu menyediakan dan melakukan perkara berikut:
  - (a) 'deadman's crawl';
  - (b) melalui titi komando.

#### KEPIMPINAN

1. (a) Menghadiri sepenuhnya kursus latihan bagi ketua patrol dan memimpin seorang pengakap (atau lebih) dalam patrol sendiri bagi memenuhi kehendak Lencana Maju.

*atau*

2. Menunjukkan kebolehan memimpin berikut dalam masa satu hari.
  - (a) Merancang dan menjalankan dengan jayanya satu pengembaraan patrol.
  - (b) Merancangkan serta mengambil bahagian dalam satu acara malam pengakap mengandungi lakonan/tarian dan nyanyian.
  - (c) Boleh menjalankan mesyuarat ketua patrol.

3. Menunjukkan cara membawa bendera
  - (a) di bahu;
  - (b) tanpa berkibar;
  - (c) berkibar.

#### KEJAYAAN

Melaksanakan sekurang-kurangnya satu kemahiran dari tiap-tiap Kumpulan A, B, C dan D yang disenaraikan seperti berikut. Semua persediaan keselamatan adalah tanggungjawab pemimpin unit yang berkenaan.

##### Kumpulan A—Cabaran

1. Lakukan satu sahaja:
  - (a) Mendayung perahu satu tempat duduk atau sampan atau rakit kecil sejauh tidak kurang daripada satu kilometer;
  - (b) Melayarkan sampan layar; memasang dan mengemas-kan layar dan menyimpannya dengan baik.

*atau*

2. Mendaki bukit tidak kurang daripada 300 meter tingginya bersama dengan patrol sendiri.
3. Berbasikal satu perjalanan bersama dengan patrol sendiri sejauh 30 kilometer dan membuat laporan perjalanan tersebut dalam Buku Log berkenaan.

##### Kumpulan B—Amali

1. Mengamalkan satu daripada berikut:
  - (a) Menjaga dan menyelenggarakan
    - (i) peralatan rumah;
    - (ii) perabot;
    - (iii) peralatan logam;
    - (iv) perhiasan rumah.

*atau*

- (b) Mengambil sendiri tiga jenis gambar foto daripada tiga sudut berlainan: wajah (potret), lakonan pemandangan dan bangunan.
2. Membuka dan memasang roda, memeriksa dan mencuci plag, memeriksa air bateri, minyak dan tayar sebuah motosikal.

3. Mengetahui kod fonetik antarabangsa yang digunakan dalam siaran radio amatir.
4. Menunjukkan bukti telah mengambil bahagian dalam satu projek orang ramai seperti gotong-royong, membaiki titi di kampung, menuai padi, membersihkan tali air dan sebagainya.

### Kumpulan C—Kesungguhan

Kesemua aktiviti patrol dengan pemusatan kepada keupayaan perseorangan kecuali nombor 2.

1. (a) Menyempurnakan perjalanan berjalan kaki, bersama pan atau dengan bot sejauh sekurang-kurangnya sepuluh kilometer serta mengadakan perkhemahan dalam perjalanan itu.

atau

- (b) Berbasikal sejauh sekurang-kurang 40 kilometer selama sekurang-kurangnya dua hari dan bermalam dalam khemah pada tempat pilihan sendiri;

atau

- (c) Menyempurnakan perjalanan malam sejauh sekurang-kurangnya sepuluh kilometer antara senja dengan subuh.
2. Berkebolehan dalam kemahiran gimnastik atau seni mempertahankan diri.
3. Membuat bekalan 'boleh hidup' daripada makanan kering (*dehydrated*) dan menggunakannya dalam pengembaraan 24 jam bersama patrol.
4. Melakukan salah satu daripada kegiatan luar berikut:
  - (a) memanah;
  - (b) memancing;
  - (c) kajian barang purba;
  - (d) kajian isi bumi;
  - (e) pemeliharaan alam sekitar.
5. Menunjukkan serta mengetahui kegunaan simpulan dan ikatan berikut:
  - (a) Simpul abah-abah (*manbarness knot*)
  - (b) Lilit tindih kejam (*rolling hitch*)
  - (c) Simpul ngah (*middleman's knot*)
  - (d) Tindih kasih air (*water bowline*)

- (e) Ikatan pengail (*fisherman's bend*)
- (f) Lilitan tong (*barrel hitch*)
- (g) Sambatan mata (*eye splice*)
- (h) Lilit kacang/ular (*floorstrokesnake lashing*)
- (j) Ikatan silang tungku (*tripod/figure 8 lashing*)
6. Mendirikan sebuah pondok sementara (*bivouac*) serta tidur di dalamnya selama semalam.
7. Menyiapkan satu projek perintis tidak kurang daripada dua meter tinggi/panjang.

### Kumpulan D—Masyarakat

1. Menyedia, memasak dan melayan dengan memuaskan satu hidangan makan tengah hari/malam bagi empat orang di dalam atau di luar rumah.
2. Mengambil bahagian cergas dalam pertunjukan hiburan amatir dengan mempersembahkan nyanyian beramai-ramai, permainan silap mata, lakonan drama dan tarian kebangsaan.
3. Merancang dan menjalankan malam pengakap bagi kumpulan atau majlis perpisahan.

### PERKHIDMATAN

1. Mengetahui kegunaan kayu tuap dalam rawatan patah tulang kaki dan patah lengan.
2. Menunjukkan teknik mengamalkan sistem pemulihan nafas mulut ke mulut.
3. Melakukan perkhidmatan sekurang-kurangnya enam jam di dalam atau di luar pergerakan pengakap kepada pertubuhan orang cacat, hospital, rumah kebajikan atau tempat ibadat.

### Contoh bentuk ujian Lencana Jaya

|              |   |       |
|--------------|---|-------|
| Nama         | : | ..... |
| Sekolah      | : | ..... |
| Kumpulan     | : | ..... |
| Patrol       | : | ..... |
| Penguji      | : | ..... |
| Tarikh lulus | : | ..... |

| <i>Lencana Jaya</i>                                                                                                                                                                                                                                                                              | <i>Tarikh</i> | <i>Penguji</i> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------------|
| <b>A Cita-cita Pengakap</b><br>1. Organisasi Biro Pengakap Sedunia dan Biro Wilayah Asia Pasifik<br>2. Sejarah tertubuhnya Malaysia<br>3. Jata Kebangsaan dan Lambang Negeri<br>4. Tugas kerja Dewan Undangan Negeri<br>5. Mengenali Ketua Pengakap Negara dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara |               |                |
| <b>Kecergasan dan Kesegaran Jasmani</b><br>1. Latihan asas perbarisan<br>2. Kawat tongkat pengakap semasa berjalan<br>3. Halangan komando                                                                                                                                                        |               |                |
| <b>Kepimpinan</b><br>1. Menghadiri kursus ketua patrol atau melatih dua orang pengakap untuk Lencana Maju<br>2. Kebolehan:<br>(a) Merancang dan menjalankan pengembaraan<br>(b) Merancang malam pengakap<br>(c) Menjalankan mesyuarat ketua patrol<br>3. Membawa bendera                         |               |                |
| <b>Kejayaan</b><br>Melaksanakan sekurang-kurangnya satu kemahiran Kumpulan A, B, C dan D<br><br><b>Kumpulan A—Cabaran</b><br>1. Lakukan satu sahaja:<br>(a) Mendayung perahu<br>(b) Melayarkan sampan layar                                                                                      |               |                |

| <i>Lencana Jaya</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <i>Tarikh</i> | <i>Penguji</i> |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------------|
| 2. Mendaki bukit<br>3. Berbasikal 30 km<br><br><b>Kumpulan B—Amali</b><br>1. Pekerjaan tangan/tukang gambar<br>2. Mekanik<br>3. Kod fonetik antarabangsa<br>4. Khidmat masyarakat<br><br><b>Kumpulan C—Kesungguhan</b><br>1. Pengembaraan 10 km/40 km<br>2. Gimnastik/seni mempertahankan diri<br>3. Membuat bekalan daripada makanan kering<br>4. Melakukan <i>satu</i> kegiatan luar berikut:<br>(a) memanah;<br>(b) memancing;<br>(c) kajian barang purba;<br>(d) kajian isi bumi;<br>(e) pemeliharaan alam sekitar.<br>5. Simpulan dan ikatan<br>6. Mendirikan pondok sementara ( <i>bivouac</i> )<br>7. Projek perintis<br><br><b>Kumpulan D—Masyarakat</b><br>1. Menyedia, memasak dan melayan<br>2. Pertunjukan hiburan amatur<br>3. Merancang dan menjalankan malam pengakap |               |                |
| <b>Perkhidmatan</b><br>1. Kegunaan kayu tuap<br>2. Sistem pemulihan nafas mulut ke mulut<br>3. Perkhidmatan enam jam                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |               |                |


## 12

### Cita-cita Pengakap

#### ORGANISASI BIRO PENGAKAP SEDUNIA DAN BIRO WILAYAH ASIA PASIFIK

##### Biro Pengakap Sedunia

1. Ditubuhkan pada tahun 1920.
2. Ibu pejabat:
  - (a) 1920-58 di London, England.
  - (b) 1958-68 di Ottawa, Kanada.
  - (c) 1-5-1968 hingga sekarang di Geneva, Switzerland.
3. Biro ini dibahagikan kepada:
  - (a) Bahagian Operasi;
  - (b) Bahagian Pentadbiran;
  - (c) Bahagian Kewangan;
  - (d) Bahagian Perhubungan;
  - (e) Bahagian Penyelidikan; dan
  - (f) Bahagian Program.



Rajah 12.1 Carta Organisasi Biro Pengakap Sedunia

4. Biro ini mempunyai lima buah Pejabat Wilayah, iaitu:
  - (a) Wilayah Afrika—Lagos, Nigeria.
  - (b) Wilayah Arab—Damsyik, Syria.
  - (c) Wilayah Asia-Pasifik—Manila, Filipina.
  - (d) Wilayah Eropah—Geneva, Switzerland.
  - (e) Wilayah Inter-American—San Jose, Costa Rica.

##### Biro Pengakap Wilayah Asia Pasifik


1. Ditubuhkan pada tahun 1956 dengan nama Wilayah Timur Jauh.
2. Pada tahun 1970, ditukarkan kepada Wilayah Asia Pasifik.
3. Ibu pejabatnya terletak di Manila, Filipina.
4. Biro ini dibahagikan kepada:
  - (a) Jawatankuasa Kewangan.
  - (b) Jawatankuasa Latihan.
  - (c) Jawatankuasa Perhubungan Awam.
  - (d) Jawatankuasa Perkembangan Masyarakat.
  - (e) Jawatankuasa Program.

#### SEJARAH TERTUBUHNIA MALAYSIA

Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua, hasil daripada satu perjanjian yang ditandatangani di antara Ratu Inggeris dan Raja-raja Melayu. Pada tahun 1955, dengan pengenalan satu perlembagaan yang meminda kebanyakan tanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan untuk memilih wakil rakyat, pilihan raya yang pertama telah diadakan.

Persediaan untuk kemerdekaan telah disiapkan setelah satu mesyuarat di London pada awal 1956. Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan.

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, mencadangkan penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Ketua-ketua politik telah menyambut baik cadangan ini. Pada bulan November 1961, Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri Great Britain telah bertemu di London. Perdana Menteri Great Britain berpendapat penubuhan itu menarik, tetapi rakyat di Sabah dan Sarawak



Rajah 12.2 Perluasan kuasa British di Malaysia

seharusnya diberitahu sebelum sebarang keputusan dibuat. Pada bulan Jun 1962, Suruhanjaya Cobbold yang telah dipertahankan untuk mendapat pandangan rakyat Sabah dan Sarawak, telah melaporkan kebanyakannya menyokong cadangan ini. Kerajaan Brunei kemudian menarik diri apabila suatu persetujuan kewangan tidak dapat dicapai.

Berikutan dengan ini, suatu persetujuan telah dicapai dalam hal penubuhan Malaysia. Pada 9 Julai 1963, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Britain, Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak di London. Pada 29 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong telah menandatangani satu perjanjian sebagai tanda persetujuan. Akhirnya tertubuhlah Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Indonesia telah membangkang penubuhan Malaysia dengan satu konfrontasi. Bagaimanapun, kemudiannya secara rasmi konfrontasi ini ditamatkan berikutan lawatan Perdana Menteri Malaysia ke Indonesia untuk menandatangani satu perjanjian pada 11 Ogos 1966. Malangnya pada 9 Ogos 1965, Singapura keluar daripada Malaysia dan menjadi sebuah republik yang merdeka.


## JATA KEBANGSAAN DAN LAMBANG NEGERI

### Melukis Dan Menerangkan Erti Jata Kebangsaan Dan Lambang Negeri Masing-masing

#### *Lambang Negara Malaysia*

Lambang Malaysia menunjukkan bintang pecah 14 menandakan 14 buah negeri yang terkandung dalam Malaysia. Manakala bintang bersama-sama anak bulan melambangkan agama Islam.

Lima keris di bahagian atas melambangkan lima buah negeri Melayu yang dahulunya Tidak Berserkutu—Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Di sebelah kiri ialah lambang negeri Pulau Pinang dan di sebelah kanan pula lambang negeri Melaka. Kedua-dua negeri tersebut merupakan Negeri-negeri Selat.



Di tengah-tengah lambang pula terdapat empat warna yang melambangkan empat buah negeri Melayu yang dahulunya merupakan Negeri-negeri Bersekutu. Warna hitam dan putih ialah warna bagi negeri Pahang, warna merah dan kuning bagi negeri Selangor, warna hitam, putih dan kuning bagi negeri Perak, warna merah, hitam dan kuning bagi Negeri Sembilan.

Di sebelah bawah kiri adalah lambang Negeri Sabah, manakala sebelah kanan pula adalah lambang Negeri Sarawak. Di sebelah bawah bahagian tengah adalah Bunga Raya yang melambangkan Bunga Kebangsaan. Harimau-harimau yang ditunjukkan sebagai penopang jata Negeri-negeri Melayu Bersekutu dahulu adalah dipakai dalam lambang Malaysia. Cogan—'BERSEKUTU BERTAMBAH MUTU', ditulis dengan tulisan Jawi dan Rumi. Warna kuning pada awan-awan itu ialah warna diraja bagi Duli Yang Maha Mulia Raja-raja.

*Lambang Negeri Johor*



Mahkota melambangkan DYMM Sultan. Empat bintang di sudut perisai putih itu menandakan empat buah jajahan besar asal negeri itu, iaitu Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Endau; sementara bintang dan anak bulan di tengah pula, lambang agama Islam. Dua ekor harimau yang memegang perisai itu mengingatkan kepada binatang-binatang buas yang pada suatu masa dahulu merayau-rayau di negeri ini. Lukisan yang berbunga-bunga di sebelah bawah perisai maksud gambir dan lada hitam, dua jenis hasil utama yang asal bagi negeri ini.

'Kepada Allah Berserah' ialah cogan kata negeri itu.

*Lambang Negeri Kedah*



Lingkarannya itu maksudnya padi tanaman utama negeri ini. Anak bulan lambang agama Islam. Perisai pula lambang kekuasaan. Tulisan Jawi ialah ejaan bagi negeri Kedah. Warna kuning yang digunakan pada perisai dan padi melambangkan warna diraja Sultan, manakala warna hijau pada bulan sabit ialah lambang agama Islam, agama rasmi negeri Kedah.

*Lambang Negeri Kelantan*

Mahkota itu tanda kedaulatan Sultan. Dua batang tombak dan dua bilah keris maksudnya kekuatan orang-orang Melayu Kelantan. Anak bulan dan bintang adalah lambang Islam. Dua pucuk meriam maknanya bahawa negeri ini adalah sentiasa sedia untuk mempertahankan dirinya. Dua ekor kijang mengingatkan kembali kepada sejarah tua negeri ini tatkala Che' Wan Kembang (atau Che' Siti), Permaisuri Kelantan (kira-kira



pada akhir abad yang ke-14), yang kerana terlalu kasih kepada kijang kesayangannya, telah memerintahkan wang emas dicap dengan gambar binatang itu.

'Berserah Kepada Tuhan Kerajaan Kelantan' ialah cogan-kata negeri ini.

#### *Lambang Negeri Melaka*



Warna merah, putih, kuning dan biru maknanya Melaka sebuah negeri dalam Malaysia. Lima bilah keris maksudnya lima orang pahlawan termasyhur di Melaka pada zaman dahulu. Anak bulan dan bintang pecah lima lambang agama Islam, agama rasmi negeri. Pokok melaka ialah pohon dari mana negeri itu mendapat namanya. Dua ekor pelanduk yang memegang perisai ialah untuk memperingati riwayat tua, iaitu pelanduklah yang telah menyebabkan Raja Melaka yang pertama mengambil keputusan untuk menetap dalam negeri ini dan membukanya.

'Bersatu Teguh' ialah cogan kata negeri itu.

#### *Lambang Negeri Sembilan*



Sembilan tangkai padi di dalam perisai itu maksudnya sembilan buah negeri dalam gabungan Negeri Sembilan yang lama. Warna merah dalam perisai menunjukkan hubungan-hubungan pada masa yang lalu dengan British. Warna hitam maknanya Datuk-datuk Undang. Warna kuning maknanya Yang Dipertuan dalam gabungan yang lama. Pedang berserta sarung yang terdapat di atas perisai itu tanda keadilan. Di tengah-tengah antara pedang dan sarung ialah 'Changgai Putri' tanda kebesaran Yang Dipertuan Besar.

#### *Lambang Negeri Pahang*



Lambang negeri Pahang mengandungi contoh mata tombak besar, iaitu 'cogan', salah satu daripada alat kebesaran negeri yang utama, tanda kekuasaan seperti cokmar. Gading gajah yang dua itu bermakna kekuasaan raja. Dalam sejarah Melayu, gajah mempunyai hubungan rapat dengan raja-raja Melayu dan istiadat diraja, iaitu sebagai kenderaan diraja.



*Lambang Negeri Perak*

Tajuk gubahan yang dipakai oleh DYMM Sultan pada tengkolok baginda ialah tanda kedaulatan raja. Anak bulan adalah lambang agama Islam, agama rasmi negeri. Bunga padi maknanya pekerjaan utama rakyat, iaitu pertanian. Warna-warna yang terdapat pada lambang negeri Perak melambangkan Sultan (putih), Raja Muda (kuning) dan Raja Dihilir (hitam).

*Lambang Negeri Perlis*

Lingkar padi itu maksudnya pekerjaan utama dan hasil utama negeri, iaitu padi. Perisai adalah sebagai tanda kebanggaan dan kehormatan negeri itu. Lambang itu keseluruhannya bermakna kebanggaan negeri itu kerana kekayaan hasil padinya. Warna hijau melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi negeri manakala warna kuning melambangkan warna diraja.

*Lambang Negeri Pulau Pinang*

Pohon pinang ialah lambang asal nama pulau itu. Petak yang berwarna kuning mengandungi gambar Jambatan Besar Pulau Pinang yang mempunyai dua tiang melambangkan serampang dua mata di dalam Dasar Ekonomi Baru, iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Empat kabel pula menggambarkan empat jenis keturunan rakyat di negeri ini, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Jalur-jalur biru dan putih yang menjadi simbol lautan berjumlah lima setiap satu warna memberi makna simbol lima prinsip Rukun Negara dan lima daerah pentadbiran yang terdapat di Pulau Pinang.

*Lambang Negeri Sabah*

Lambang negeri Sabah terdiri daripada sebuah perisai dan bendera serta tangan yang memegang bendera di atas perisai. Di tengah perisai terdapat sebuah gunung, melambangkan Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara. Di ba-

wah perisai terdapat cogan kata negeri, iaitu 'Sabah Maju Jaya'. Manakala warna merah, biru laut dan putih adalah warna negeri, yang membawa pengertian yang sama warna-warna bendera negeri (warna merah melambangkan keberanian dan keazaman, warna biru melambangkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran dan warna putih pula melambangkan kesucian, keikhlasan dan kebenaran).

#### *Lambang Negeri Sarawak*



Lambang negeri Sarawak mengandungi seekor burung kenyalang dengan sayap dan ekornya mempunyai 13 jalur, bercerti 13 buah negeri di dalam Malaysia. Pada kedua-dua kakinya terdapat bunga raya melambangkan keamanan dan kemakmuran rakyatnya. Cogan kata 'Bersatu, Berusaha, Berbakti' terdapat di bahagian bawahnya. Manakala warna-warna negeri di dadanya dalam bentuk perisai berwarna kuning dan dua jalur berwarna merah dan hitam, iaitu warna bendera negeri. Bintang pecah sembilan di tengah jalur ini melambangkan sembilan buah kawasan atau bahagian yang terdapat di dalam negeri ini.

#### *Lambang Negeri Selangor*



Anak bulan dan bintang adalah lambang agama Islam, agama rasmi negeri. Tombak merah di tengah-tengah ialah sambuwarna. Di sebelah kanan ialah keris pendek dan di kiri pula keris panjang. Ketiga-tiganya adalah alat kebesaran negeri. Tulisan Jawi yang berbunyi 'Dipelihara Allah' ialah cogan negeri. Di bawah cogan pula ialah tali bengkung yang dipakai sebagai ikat pinggang oleh pahlawan-pahlawan zaman dahulu.

#### *Jata Kebesaran Negeri Terengganu*



Bulan bintang menunjukkan negeri ini berkerajaan Islam. Mahkota lambang pemerintahan diraja. Pedang, keris panjang dan cokmar pula merupakan alat kebesaran negeri. Manakala di sebelah kanannya ialah al-Quran melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi negeri. Buku Undang-undang di sebelah kiri pula menandakan keadilan dan wali menandakan alatan istiadat kebesaran.

### DEWAN UNDANGAN NEGERI

#### **Badan Eksekutif Negeri**

Setiap 13 buah negeri dalam negara kita mempunyai jentera pentadbiran masing-masing. Jentera yang terdapat di Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang sama. Namun ia berbeza sedikit di Sabah dan Sarawak.

#### *Majlis Mesyuarat Kerajaan*

Kuasa eksekutif negeri terletak di tangan Raja atau Yang Dipertua Negeri. Di Semenanjung Malaysia, kuasa ini dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Badan ini menyerupai

kabinet di peringkat Persekutuan. Oleh yang demikian, ia bukanlah satu badan di dalam jentera pentadbiran. Seperti kabinet, ia adalah satu badan pemerintahan, dan mempunyai kaitan yang rapat dengan jentera pentadbiran negeri yang melaksanakan dasar-dasar dan arahan-arahannya.

MMK diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri sebagai ketua kerajaan negeri. Ia mengandungi sebilangan ahli Dewan Undangan Negeri (bilangannya berbeza dari negeri ke negeri, bergantung kepada perlembagaan negeri masing-masing), dan tiga ahli pegawai (*ex-officio*), iaitu setiausaha kerajaan negeri, pegawai kewangan negeri dan penasihat undang-undang negeri.

Sultan atau Yang Dipertua Negeri harus bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif Negeri. Apabila kehilangan majoriti, mereka harus membubarkan Dewan agar pilihan baru boleh diadakan.

#### *Sistem Pentadbiran Berjawatankuasa*

Di beberapa negeri, seperti di Pahang dan Negeri Sembilan, terdapat suatu sistem pentadbiran yang menyerupai sistem kabinet di peringkat Persekutuan. Sistem ini dikenali sebagai sistem pentadbiran berjawatankuasa. Di dalam sistem ini, seperti sistem kabinet, ahli-ahli MMK yang bukan pegawai diberi tanggungjawab ke atas perkara-perkara tertentu. Akan tetapi berbeza dengan sistem kabinet, perkara-perkara itu dikelolakan oleh jawatankuasa-jawatankuasa MMK dan bukan kementerian-kementerian. Jawatankuasa-jawatankuasa itu dipengerusikan oleh ahli-ahli MMK yang bukan pegawai kerajaan. Setiausaha-setiausahanya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, iaitu penolong-penolong setiausaha di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Tugas jawatankuasa-jawatankuasa itu bergantung pada keperluan negeri dan keputusan MMK.

Peranan jawatankuasa-jawatankuasa MMK ialah untuk menolong MMK membuat keputusan dan mengawasi pelaksanaan keputusan-keputusan MMK yang dilakukan oleh agensi-agensi awam di bawah tanggungjawab masing-masing. Amalan yang selalu dilakukan ialah sesuatu perkara dibincangkan dahulu di dalam Jawatankuasa MMK yang berkenaan sebelum dibawa ke MMK untuk diputuskan.

#### *Kabinet Di Sabah dan Sarawak*

Sabah dan Sarawak mengamalkan sistem kabinet di mana terdapat menteri-menteri yang bertanggungjawab ke atas kementerian-kementerian tertentu. Di Sabah, kabinet disebut Kabinet Negeri dan di Sarawak, Majlis Tertinggi. Pegawai pentadbir utama bagi sesuatu kementerian negeri digelar setiausaha tetap dan peranan mereka adalah lebih kurang sama dengan peranan ketua setiausaha di kementerian-kementerian Persekutuan.

#### **Badan Perundangan Negeri**

1. Dalam setiap negeri, badan perundangan terdiri daripada sebuah Dewan Negeri yang mengandungi Raja atau Yang Dipertua Negeri dan sebilangan ahli yang dipilih secara langsung oleh rakyat negeri berkenaan.
2. Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak diketuai oleh Yang Dipertua Negeri yang dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong bagi sepenggal empat tahun.
3. Yang Dipertua Negeri boleh meletakkan jawatan secara sukarela, beliau boleh dipecat daripada jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong berikutan usul yang dikemukakan di dalam Dewan Perundangan Negeri berkenaan yang disokong oleh tidak kurang daripada dua pertiga undi daripada jumlah kesemua ahlinya.
4. Eksekutif negeri bertanggungjawab terhadap badan perundangan negeri dan tidak boleh berkuasa tanpa sokongan badan ini.
5. Raja dan Yang Dipertua Negeri bertindak atas nasihat majlis-majlis eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.
6. Kebanyakan badan perundangan negeri bermesyuarat empat atau lima kali setahun dan mesyuarat biasanya pendek, kecuali kalau membahaskan belanjawan.
7. Tiga orang pegawai kerajaan, iaitu setiausaha kerajaan, penasihat undang-undang negeri dan pegawai kewangan negeri boleh menghadiri mesyuarat Dewan Negeri, tetapi tidak berhak mengundi.
8. Semua enakmen yang diluluskan oleh Dewan Negeri

- hendaklah diperkenankan oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri sebelum dikuatkuasakan sebagai undang-undang.
9. Seorang raja menikmati kebebasan undang-undang atas sifat diri baginda sendiri, walaupun di luar wilayah baginda. Kebebasan demikian tidak berlaku bagi permaisuri baginda dan juga keluarga baginda yang lain.
  10. Yang Dipertua Negeri tidak terkecuali daripada undang-undang.
  11. Satu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam masa 90 hari di Sabah dan Sarawak, dan 60 hari di Semenanjung Malaysia dari tarikh pembubaran Dewan.
  12. Fungsi utama kerajaan negeri ialah berkaitan hal-chwal tanah.

#### **Dewan Undangan Negeri Melaka**

Dewan Undangan Negeri Melaka adalah badan yang mengubal undang-undang bagi kerajaan negeri Melaka. Ia mempunyai kuasa untuk menggubal dan meminda sesuatu undang-undang yang dikemukakan dalam perlembagaan. Dewan Undangan Negeri mempunyai kuasa untuk mengadakan mesyuarat jika perlu. Ia juga mempunyai kuasa untuk melantik dua orang senator ke Dewan Negara.

#### *Fungsi-fungsi Dewan Undangan Negeri Melaka*

1. Peruntukan kewangan
  - (a) Cukai yang dibenarkan oleh undang-undang.
  - (b) Perbelanjaan dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang disatukan.
  - (c) Penyata kewangan tahunan.
  - (d) Rang Undang-undang Pembekalan.
  - (e) Perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebihan.
  - (f) Pengeluaran daripada kumpulan wang disatukan.
2. Adat perpatih Naning
3. Peruntukan am
4. Peruntukan-peruntukan peralihan
  - (a) Jadual pertama—Bentuk sumpah dan ikrar.
  - (b) Jadual kedua—Mukim-mukim yang diliputi oleh kuasa Dato' Penghulu Naning.

- (c) Jadual ketiga—Peruntukan-peruntukan perintah dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang terus berkuatkuasa.

#### *Badan Perundangan*

Badan perundangan hendaklah mengandungi Yang Dipertua Negeri dan suatu majlis yang dinamakan Dewan Undangan Negeri.

#### *Keanggotaan Dewan Undangan Negeri*

Dewan Undangan Negeri hendaklah mengandungi ahli-ahli yang dipilih mengikut peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan sehingga suatu enakmen memperuntukkan selainnya, bilangan ahlinya hendaklah seramai 20 orang.

#### *Mesyuarat Dan Pembubaran Dewan Undangan Negeri*

1. Yang Dipertua Negeri hendaklah memanggil Dewan Undangan Negeri bermesyuarat dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan jarak enam bulan antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal kemudiannya.
2. Yang Dipertua Negeri boleh memberhentikan atau membubarkan Dewan Undangan Negeri.
3. Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Undangan Negeri hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar.
4. Apabila Dewan Undangan Negeri dibubarkan, suatu pilihanraya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pembubaran itu, dan Dewan Undangan Negeri baru hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada 90 hari dari tarikh pembubaran itu.
5. Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah dipenuhi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan itu, dan suatu pilihanraya hendaklah diadakan sewajarnya.

*Acara Dewan Undangan Negeri*

1. Tertakluk kepada peruntukan dan perlembagaan ini, Dewan Undangan Negeri hendaklah membuat peraturan-peraturan mengenai acaranya sendiri.
2. Dewan Undangan Negeri boleh menjalankan urusannya walaupun ada kekosongan dalam keahliannya dan kehadiran atau penyertaan seseorang yang tidak berhak hadir atau menyertai tidaklah membatalkan apa-apa perjalanannya.
3. Tertakluk kepada Fasal (4) dan Perkara 36(3), Dewan hendaklah, jika tidak sebulat suara, mengambil keputusan-nya mengikut lebih suara ahli-ahli yang mengundi, dan orang yang mengetuai Dewan itu hendaklah membuang undinya apabila perlu bagi mengelakkan perbezaan undi, tetapi tidak boleh mengundi dalam hal-hal lain.
4. Dalam membuat peraturan-peraturan tentang acaranya, Dewan boleh memperuntukkan apa-apa keputusan berhubung dengan perjalanannya, bahawa keputusan itu tidak boleh dibuat kecuali dengan lebih suara yang ditentukan atau dengan bilangan undi yang ditentukan.
5. Ahli-ahli yang tidak hadir dalam persidangan Dewan tidak dibenarkan mengundi.

*Saraan Bagi Ahli-ahli*

Badan perundangan hendaklah dengan undang-undang, membuat peruntukan bagi saraan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

*Menjalankan Kuasa Perundangan*

1. Kuasa bagi badan perundangan membuat undang-undang dijalankan dengan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dan dipersetujui oleh Yang Dipertua Negeri.
2. Tiada rang undang-undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan daripada kumpulan wang disatukan boleh dikemukakan atau dicadangkan dalam Dewan Undangan Negeri, kecuali oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.
3. Selepas mempersetujui sesuatu rang undang-undang, Yang Dipertua Negeri hendaklah mengarahkan supaya

rang undang-undang itu disiarkan sebagai undang-undang dan sesuatu undang-undang itu hendaklah dinamakan sebagai satu enakmen.

4. Suatu rang undang-undang akan menjadi undang-undang apabila dipersetujui oleh Yang Dipertua Negeri, tetapi tidak ada suatu undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ia telah disiarkan, tetapi ini tidaklah menyentuh kuasa badan perundangan bagi menengguhkan perjalanan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang dengan kuatkuasa keselakangan.

*Undang-undang Utama Negeri*

Apa-apa enakmen yang diluluskan selepas hari merdeka yang berlawanan dengan perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.

### MENGENALI KETUA PENGAKAP NEGARA DAN KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGARA



**Ketua Pengakap Negara**

Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud, DA, DSSA, SIMP, PNBS, JBS.

**Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara**

Y.A.Bhg. Dato' Seri Hj. Yang Rashdi b. Maasom, SPMP, DPMP, JSM, ASDK, AMN, PJK.

# 13

## Kecergasan Dan Kesegaran Jasmani

### LATIHAN ASAS PERBARISAN

| <i>Perlakuan</i>                                                                                      | <i>Arahan</i>                                                                                                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Hormat masa berjalan<br>(a) ke hadapan hormat<br><br>(b) ke kanan hormat<br><br>(c) ke kiri hormat | Hormat ke hadapan, ke hadapan . . . hormat.<br>Hormat ke kanan, ke kanan . . . hormat.<br>Hormat ke kiri, ke kiri . . . hormat. |
| 2. Belakang pusing masa berjalan                                                                      | (a) Bergerak ke kanan bertiga-tiga ke belakang . . . pusing<br>(b) Bergerak ke kiri bertiga-tiga ke belakang . . . pusing       |

Perlakuan menerima sijil/hadiah/anugerah (hormat terima sijil)


1. Sijil/hadiah disediakan dalam dulang.
2. Apabila segala persediaan untuk upacara itu selesai, Ketua Pasukan (*troop leader*) memerintahkan pasukannya membentuk tapak kuda dengan ketua pasukan di sebelah kiri ruang yang terbuka. Penolong Pemimpin Pengakap Muda di sebelah kanannya meruangkan satu ruang kosong di tengah.
3. Penolong Pemimpin Pengakap Muda memegang sijil/hadiah.
4. Kemudian Pemimpin Pengakap Muda memasuki ruang

kosong tapak kuda. Secara ringkas dia mengumumkan kepada pasukan untuk menyampaikan sijil/hadiah kepada .....

5. Apabila nama Pengakap Muda dipanggil, Pengakap Muda dikehendaki keluar baris lalu berjalan dengan cepat jalan ke hadapan Pemimpin Pengakap Muda dan berhenti jarak dua langkah di hadapan Pemimpin.



Perbarisan kontinjen pengakap sedang berkeadaan 'senang diri' dalam satu perbarisan



Perbarisan kontinjen pengakap melintas hormat di hadapan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka

6. Pengakap Muda dikehendaki memberi hormat kepada Pemimpin lalu Pemimpin membalas hormat pengakap kemudian Pengakap Muda melangkah selangkah ke hadapan lalu menghulurkan kedua-dua belah tangan lurus ke hadapan dengan menghentak tapak tangan kanan di atas tapak tangan kiri.
7. Pemimpin Pengakap Muda memberi sijil/hadiah kepada Pengakap Muda. Setelah terima, Pengakap Muda dikehendaki meletakkan sijil/hadiah di sebelah tangan kiri dan memberi salam pengakap dengan tangan kanan, lalu melangkah selangkah ke belakang.
8. Setelah selesai, Pengakap Muda akan memberi sekali lagi hormat kepada Pemimpin lalu Pemimpin membalas hormat pengakap. Kemudian Pengakap Muda dikehendaki pusing ke kanan/kiri lalu berjalan dengan cepat jalan balik ke tempatnya.

#### *Peringatan:*

Semasa Pengakap Muda memberi hormat kepada Pemimpin Pengakap Muda, Pengakap dikehendaki menunggu sehingga Pemimpin menurunkan balas hormat pengakap, barulah Pengakap boleh menurunkan hormat Pengakap.

### KAWAT TONGKAT

Untuk huraian dan keterangan tentangnya. Sila lihat halaman 254-64 dalam Lampiran C.

### HALANGAN KOMANDO

Tahu menyediakan dan melakukan perkara berikut:

1. 'Deadman's crawl'.
2. Melalui titi komando.

#### 1. Membuat 'Deadman's Crawl'


Untuk melakukan 'Deadmans Crawl' anda memerlukan tali yang berdiameter sekurang-kurangnya  $2\frac{1}{2}$  inci (6 cm). Diingat-kan bahawa latihan hendaklah dimulakan dekat dengan tanah sebelum mencuba pada paras yang lebih tinggi. Cara melakukannya ialah berbaring di sepanjang tali dengan sebelah kaki di-

turunkan untuk merendahkan graviti supaya dapat menstabilkan badan. Manakala kaki yang satu lagi disangkut pada tali. Pergerakan dilakukan dengan siri pergerakan 'caterpillar'. Gerakkan kaki di sebelah atas sehingga mendekati abdomen dan tarikkan tali itu supaya badan digerakkan ke hadapan tanpa mengerakkan kedudukan tangan. Seterusnya tangan kanan dihulurkan ke hadapan untuk memegang tali di depan diikuti dengan tangan kiri. Kemudian kaki di atas didekatkan sehingga ke abdomen dan pergerakan yang sama diulangi sehingga sampai ke hujung tali.



Rajah 13.1

## 2. Melalui Titi Komando



Rajah 13.2

# 14 Kepimpinan

## UJIAN KEPIMPINAN

Pengakap boleh menghadiri sepenuhnya kursus latihan untuk ketua-ketua patrol dan pemimpin dengan penyertaan tidak kurang daripada seorang pengakap daripada patrol sendiri. Kursus latihan ini adalah bagi memenuhi kehendak-kehendak Lencana Maju. Pengakap juga boleh melatih tidak kurang daripada dua orang pengakap bagi mendapatkan Lencana Maju dalam dua kegiatan, misalnya, kehidupan dalam hutan, membaca kompas, memasak, menghadapi kecemasan dan melakukan sesuatu penerokaan. Dengan kata lain, pengakap boleh memilih untuk mengikuti kursus latihan ataupun menjadi jurulatih.

Satu lagi aspek kepimpinan yang perlu daripada pengakap ialah dapat menunjukkan kebolehan untuk memimpin dalam salah satu keadaan berikut:

1. Merancang dan menjalankan dengan jaya satu pengembaraan patrol atau kegiatan lain yang melibatkan patrol sendiri.
2. Boleh menjalankan mesyuarat ketua patrol.
3. Merancang serta mengambil bahagian dalam satu acara Malam Pengakap, mengandungi lakonan/tarian dan nyanyian.

## MENGHADIRI KURSUS KETUA-KETUA PATROL

Setiap patrol mempunyai keahlian antara enam hingga lapan orang. Setiap ahli mempunyai hubungan rapat, saling bekerja-



sama, dan memahami antara satu dengan lain. Mereka masing-masing bertanggungjawab menjaga nama baik patrolnya. Setiap ahli dalam patrol hendaklah menghadiri sepenuhnya kursus latihan yang diberikan sebagai persediaan untuk bakal ketua patrol atau penolong ketua patrol.

Tujuan latihan ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pengakap pengalaman baru sebagai ketua patrol, dengan harapan dapat menjadi dorongan dan galakan kepada mereka berusaha ke arah itu, selain sebagai memenuhi keperluan Lencana Jaya di bawah perkara kepimpinan. Antara perkara-perkara yang boleh dimanfaat daripada kursus seperti ini ialah keyakinan pada diri, memupuk semangat kepimpinan, melatih memikul tanggungjawab dan menunjukkan teladan yang baik, khususnya sebagai bakal pemimpin.

## Melatih Dua Orang Pengakap

Melatih tidak kurang daripada dua orang pengakap bagi mendapatkan Lencana Maju dalam dua kegiatan, misalnya kehidupan dalam hutan, menggunakan kompas, memasak, menghadapi kecemasan dan pencerokaan adalah satu lagi keperluan dalam perkara kepimpinan.

Tarikh : .....  
 Tempat : .....  
 Nama Pengakap : 1. ....  
 2. ....  
 Nama Penguji : .....

*Dua kegiatan Lencana Maju*

1. Kehidupan dalam hutan
  - (a) Memasak nasi dalam buluh
  - (b) Memasak ikan panggang
  - (c) Telur dalam ubi keledak
  - (d) Roti lilit
2. Pertolongan cemas
  - (a) Cara-cara membalut luka dengan pembalut segitiga
  - (b) Peraturan pertolongan cemas
  - (c) Cara rawatan terkejut
  - (d) Cara-cara rawatan bahagian berdarah

# MERANCANG DAN MENJALANKAN PENGEMBARAAN

Merancang dan menjalankan dengan jayanya satu pengembaraan patrol.

|               |   |                           |
|---------------|---|---------------------------|
| Tajuk         | : | Pengembaraan patrol       |
| Nama Peserta  | : | .....                     |
| Penguji       | : | .....                     |
| Tarikh        | : | .....                     |
| Masa Bermula  | : | ..... Berakhir Jam: ..... |
| Bertolak Dari | : | .....                     |
| Berakhir Di   | : | .....                     |
| Rakan         | : | .....                     |
| Keadaan Cuaca | : | .....                     |

### Contoh Arahan Yang Dirancangkan

Bermula daripada Ibu Pejabat Pengakap, Jalan Taming Sari, Melaka menuju ke arah Bukit China dan Bukit Serindit. Apabila sampai di simpang tiga Bukit Serindit, pusing ke kiri dan jalan di sepanjang Jalan Bukit Piatu. Dari sana anda dikehendaki mencari jalan sendiri dengan melalui Jalan Bukit Baru dan Bukit Palah sehingga balik ke Ibu Pejabat Pengakap.

### Tugas-tugas Yang Perlu Dilaksanakan

1. Mencatat nomor-nomor telepon awam yang anda jumpa.
2. Menulis nama kampung atau pekan kecil sepanjang perjalanan itu.
3. Melukis tiga tanda bumi yang berlainan dalam rupa bentuk dan berasal dari tempat-tempat yang berasingan.
4. Mengumpul sepuluh jenis daun serta menamakannya.
5. Mendapatkan nama-nama penghulu atau penolongnya (sidang) kampung yang anda lalui itu.

### Kerja-kerja Selepas Pengembaraan Patrol

1. Menyediakan sebuah log yang kemaskini dengan menunjukkan rajah/gambar/lukisan yang berkenaan.

2. Menyerahkan kepada penguji dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perjalanan bermula.

#### *Peringatan Semasa Melakukan Pengembaraan Patrol*

1. Mematuhi undang-undang lalulintas; keselamatan adalah tanggungjawab anda sendiri.
2. Ketua pengembaraan perlu membahagikan tugas dan menjalankannya dengan satu pasukan, iaitu sistem patrol. Beliau perlu ingat agar jangan membuang masa. Setiap ahli melakukan tugas yang diberi dan menghabiskan tugas seberapa cepat mungkin.
3. Sentiasa bersopan santun apabila meminta pertolongan atau mengemukakan pertanyaan.
4. Imej dan nama baik pengakap hendaklah dipelihara.
5. Pakaian seragam pengakap hendaklah dipakai semasa perjalanan itu.

#### **Merancang Malam Pengakap**

Unggun api adalah satu temasya bagi pengakap-pengakap. Ia juga dikenali sebagai malam pengakap. Temasya ini dipercayai berasal dari Afrika.

#### *Tujuan*

1. Menggembirakan hati.
2. Menghilangkan keadaan bosan.
3. Melupakan kerja teruk.
4. Menghabiskan tugas.
5. Melatih diri sendiri.
6. Taat mengikut perintah.
7. Memberi peluang kepada tiap-tiap peserta.
8. Sistem bekerjasama.
9. Latihan merancang program.
10. Menghargai dan menghormati orang lain.
11. Menghilangkan rasa malu.
12. Mengadakan hiburan kepada semua pemimpin dan peserta.

#### *Persediaan*

1. Mencari tempat yang sesuai.
2. Mengadakan acara/program tertentu.
3. Mesti ada seorang juruacara.

4. Mendapatkan seorang untuk merasmikan upacara pembukaan.
5. Peserta yang dijemput mesti beri arahan tetap.
6. Acara program—90 minit.
7. Mengadakan jawatankuasa pengelola.
8. Mesti ada Pengerusi Unggun Api dan jawatankuasa sambutan.
9. Masa tidak lebih daripada 90 minit.
10. Bermula pada jam lapan malam dan bersurai pada jam sepuluh malam.

#### *Ketua Unggun Api*

1. Orang ini mesti boleh memimpin.
2. Mesti tahu dan mahir dalam hal-hal kebudayaan.
3. Tahu menyanyi dan menggunakan alat muzik.
4. Ketua ini boleh menunjukkan imej baik kepada pengakap.

#### *Jenis Acara*

1. Nyanyian solo.
2. Nyanyian beramai-ramai.
3. Nyanyian berkumpulan.
4. Nyanyian (*round song*).
5. Tarian kebudayaan.
6. Kepandaian/cerita pendek.
7. Pertunjukan peribadi.
8. Lakonan.
9. Akhir sekali, lagu *Negaraku*.

#### *Semasa Unggun Api Dijalankan*

1. Cari seorang untuk merasmikan unggun api.
2. Arahan mesti jelas.
3. Masa mesti dikawal.
4. *Yel* (sorakan) mesti ada tujuan (satu *Yel* untuk satu item sahaja).

#### *Alat-alat*

1. Bahan yang hendak digunakan mestilah bahan yang mudah didar dan elak menggunakan bahan-bahan yang merbahaya.

2. Pakaian-pakaian seragam.
3. Dibenarkan memakai *campfire shirt*.
4. Skarf jambori boleh dipakai.

#### Jenis Unggun Api

1. Unggun api berkumpul.
2. Unggun api bergabung (dua atau tiga sekolah bergabung).
3. Unggun api peringkat negeri.
4. Unggun api terbuka.

#### Nyanyian

##### Tujuan

1. Untuk menghiburkan hati.
2. Menghilangkan rasa bosan, letih dan kesusahan.
3. Menenangkan dan menenteramkan fikiran.
4. Untuk menyalurkan sesuatu pelajaran.
5. Menghilangkan perasaan malu, rendah diri dan menimbulkan perasaan berani.
6. Mencungkil bakat seni.
7. Menimbulkan semangat.

##### Bagaimanakah cara menenteramkan

1. Sebutkan perkataan/ayat sebaris demi sebaris.
2. Gunakan nada suara dahulu dan diikuti dengan nyanyian lagu itu sekali lalu.
3. Nyanyikan beramai-ramai.
4. Masukkan alat-alat muzik/rentak tinggi rendah.
5. Teguran atas rentak.
6. Gunakan alat perakam.
7. Nota sebaran untuk mengajar lagu.
8. Suruh pengakap ciptakan alat muzik seperti botol, besi dan lain-lain.

##### Bentuk-bentuk nyanyian

1. Pendek dan senang difahami.
2. Tidak susah mengingati dan menghafalnya.
3. Nadanya senang, tidak terlalu tinggi ataupun rendah.
4. Perkataan tidak banyak berimbuhan.

#### Jenis-jenis nyanyian

1. Nyanyian beramai-ramai, contohnya Di sini senang dan sebagainya.
2. Nyanyian dalam kumpulan (lagu yang bersambungan).
3. Nyanyian perseorangan (untuk mencungkil bakat).
4. Nyanyian beraksi.
5. Nyanyian bercerita.
6. Nyanyian berpasukan.
7. Nyanyian dalam bentuk permainan.
8. Nyanyian dandang rakyat.
9. Nyanyian lagu kebangsaan dan lagu negeri-negeri dalam Malaysia.
10. Nyanyian dari negara-negara lain (masukkan lagu Korea, Jepun, Negara Thai dan sebagainya).

#### Laporan tentang ungunn api yang dikelolakan

|                  |   |       |
|------------------|---|-------|
| Jenis Unggun Api | : | ..... |
| Tempat           | : | ..... |
| Tarikh           | : | ..... |
| Masa             | : | ..... |
| Rakan            | : | ..... |
| Penguji          | : | ..... |

#### Aturcara Program Malam Pengakap

|                  |   |                                              |
|------------------|---|----------------------------------------------|
| 6.30—7.00 petang | : | Ketibaan pengakap dan pandu puteri jemputan. |
| 7.00—7.15 petang | : | Ketibaan para tetamu/jemputan khas.          |
| 7.15—7.30 petang | : | Ketibaan Tuan Pesuruhjaya Pengakap Daerah.   |
| 7.30 petang      | : | Ucapan oleh Tuan Pengerua sekolah.           |
| 7.45 petang      | : | Upacara perasmian Malam Pengakap.            |

#### Lagu-lagu Pengakap


Berikut adalah contoh senarai lagu-lagu pengakap yang dinyanyikan pada Malam Pengakap (Unggun Api):

1. *Campfire burning.*
2. *I come from Malaysia.*

3. Di sini senang.
4. *If you're happy.*
5. *Three little duckling.*
6. *Limbo rock.*
7. *B.P. Spirit.*
8. *Boogie dance.*
9. *Mah poh leh oh wah.*
10. *Yah poh yea tai tai.*
11. *Lu la le.*
12. *Aruke/Honda cup.*
13. *Pengakap's love.*
14. *Ronggeng Fatimah.*
15. *Pearly Shell.*
16. *New friend found.*
17. *Moonlight bay.*
18. *Have you ever ever.*
19. *Rak kan wai turn.*
20. *I've got peace.*
21. *Gonbe san no akacan.*
22. *Ginglee nona.*
23. *Mexican Shuffle.*
24. *This old man.*
25. *She'll be coming round the mountain.*
26. *Kangaroo dance.*
27. *Tarian pandu.*
28. *Rock my soul.*
29. *Working on the railroad.*
30. *Milipede dance.*
31. *Hurry hurry home.*
32. *Jamaican farewell.*
33. *Red river valley.*
34. *My Bonnie.*
35. *Loy krathong.*
36. *Tomorrow will be better.*
37. *Sayonara.*
38. *Shalom.*
39. *Geylang si paku geylang.*

### Cara-cara Membina Bola Api

Dapatkan sekerat buluh kecil (12 cm) dan balutkannya dengan kain. Setelah siap, dawai disalurkan ke dalam keratan buluh itu dan ikatkan dawai tersebut dari atas hingga bawah (tempat unggun api) dengan tegang dalam kecerunan yang curam supaya bola api boleh bergerak dengan senang. Selepas itu, ikatkan bola api dengan tali dan tuangkan minyak tanah ke atas kain dan kayu api. Semasa api dinyalakan, tali akan terbakar, lalu bola api dapat dilepaskan dari atas hingga ke tempat unggun api.



Rajah 14.1 Unggun api

**Menjalankan Mesyuarat Ketua-ketua Patrol**

Catatkan butir-butir tentang salah satu mesyuarat ketua-ketua patrol yang anda telah hadiri:

|            |   |       |
|------------|---|-------|
| Tempat     | : | ..... |
| Tarikh     | : | ..... |
| Masa       | : | ..... |
| Kedatangan | : | ..... |
| Tujuan     | : | ..... |

**Agenda Mesyuarat**

1. Ucapan Pengerusi
2. Minit mesyuarat lepas
3. Pengesahan minit mesyuarat lepas
4. Kedatangan
5. Pengumuman
6. Perbincangan terbuka
7. Mesyuarat bersurai

**Sistem Berpatrol**

Sistem berpatrol adalah salah satu sistem berpengakap. Tujuan sistem ini ialah untuk melatih pengakap seberapa daya menunjukkan tanggungjawab untuk patrolnya. Kejayaan dan kegagalan sistem ini bergantung penuh kepada bagaimana setiap ahli dalam patrolnya memberikan kerjasama dalam sebarang masalah yang ditimbulkan.

**Ketua Pasukan**

Ketua pasukan dilantik oleh pemimpin berdasarkan perkara-perkara berikut:

1. Berumur 15 tahun ke atas.
2. Berkebolehan mengetuai pasukan.
3. Telah berkhidmat sebagai ketua patrol dengan jayanya dalam tempoh enam bulan.
4. Memiliki Lencana Jaya.
5. Mempunyai pengetahuan berpengakap bagi budak-budak.

**Patrol**

Setiap patrol mengandungi enam hingga lapan orang ahli. Setiap patrol mestilah mempunyai namanya dan nama patrol itu mestilah berlainan dengan patrol lain di dalam kumpulannya.

**Ketua Patrol**

1. Ketua patrol dilantik oleh pemimpin kumpulan setelah berunding dengan Majlis Ketua-ketua Patrol.
2. Ketua patrol akan mengawasi patrolnya dengan dibantu oleh seorang penolong yang dikenali sebagai penolong ketua patrol.
3. Seorang ketua patrol mestilah boleh mengarang, menulis minit mesyuarat, berminat, gigih dan mempunyai pengetahuan berpengakap yang luas.
4. Berhemah tinggi, bijaksana, berbudi pekerti, bersopan santun, dedikasi, dinamis, taat setia dan boleh menjalankan mesyuarat.
5. Bertanggungjawab dan boleh menjalankan tugas tanpa arahan.
6. Bertimbang rasa, bertolak ansur dan boleh menyesuaikan diri serta boleh menyelesaikan masalah yang timbul di dalam patrolnya.
7. Cerdas otak, bersemangat pengakap, aktif dan sihat tubuh badan.

**Tanggungjawab Ketua Patrol**

1. Merancang kegiatan latihan pengakap, perjumpaan patrolnya dan perkhemahan dengan bantuan Majlis Ketua-ketua Patrol dan Majlis Pemimpin.
2. Melatih patrolnya dalam kegiatan di atas.
3. Penolong ketua patrol dipilih oleh ketua patrol dan akan menjalankan tugas ketua patrol sekiranya ketua patrol tiada.
4. Patrol dalam Majlis Ketua-ketua Patrol mengadakan perjumpaan semua pengakap dalam patrolnya untuk membincangkan hal-ehwal di bawah pengetahuan ketua patrol.

*Tugas-tugas Ketua Patrol*


1. Ketua patrol mestilah bersama patrolnya dalam menjalankan aktiviti.
2. Memungut yuran dan mencatat kedatangan pada setiap kali perjumpaan.
3. Mengadakan mesyuarat patrol dan mendapatkan cadangan-cadangan ahlinya untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Ketua-ketua Patrol.
4. Menerima pendapat membina daripada ahlinya.
5. Menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya.
6. Mempunyai teladan yang baik dalam semua hal.
7. Hadir di perjumpaan Majlis Ketua-ketua Patrol.
8. Bertanggungjawab dan menjadi contoh pada ahli.
9. Boleh membimbing, melatih dan mengajar ahlinya.

*Majlis Ketua Patrol Dan Tugasnya*

Majlis ini bertindak merancang aktiviti dalam kumpulan untuk membantu Majlis Pemimpin.

1. Tugas-tugas umum:
  - (a) Mengarah ketua patrol mengadakan mesyuarat patrolnya dengan membuat rancangan mengikut kehendak patrolnya dan dimajukan di majlis.
  - (b) Mengatur rancangan daripada ketua-ketua patrol kemudian dimajukan ke Majlis Pemimpin.
  - (c) Menolong pemimpin melaksanakan rancangannya dan juga mengambil bahagian dalam aktiviti daerah dan negeri.
  - (d) Menganggotai Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan bersama Majlis Pemimpin.
  - (e) Mengawasi disiplin kumpulannya.
  - (f) Merancang latihan ketua patrol dan mengambil bahagian dalam kursus ketua-ketua patrol anjuran daerah dan negeri.
  - (g) Bertanggungjawab menjaga harta kumpulannya.
  - (h) Merancang aktiviti lawatan sambil belajar yang bersesuaian dengan skim latihan.
  - (i) Merancang membuat malam pengakap (iaitu program kebudayaan).

- (j) Merancang kursus-kursus khas.
- (k) Membimbing ketua-ketua patrol memeriksa patrolnya dalam menyelesaikan skim latihan.
- (l) Membantu dan bekerjasama dengan pemimpin menjayakan segala rancangan yang telah diatur.
2. Tugas-tugas utama:
  - (a) Menjaga maruah pasukan.
  - (b) Merancang program patrol.
  - (c) Mentadbir kewangan.

*Jawatankuasa Pasukan Dan Majlis Ketua Patrol*

Rajah 14.2

Mesyuarat Majlis Ketua-ketua Patrol dibuat dua minggu sekali selama setengah jam atau sebulan sekali selama satu jam. Semua keputusan dicatat oleh setiausaha majlis. Kesilapan dibetulkan dan dipersetujui oleh mesyuarat. Seorang ketua patrol menjadi pengerusi, naib pengerusi, dan setiausaha. Pemimpin pengakap menjadi penasihat sahaja dan hanya memberikan nasihat dan bimbingan pada masa yang perlu dan sesuai. Tindakan atau hukuman hendaklah dijalankan oleh pemimpin sendiri. Keputusan boleh dibuat oleh ahli-ahli secara undi.


*Kesan Berpatrol Kepada Masyarakat*

1. Menghormati ketua.
2. Menghormati sesama sendiri dalam masyarakat.
3. Melatih taat pada undang-undang, raja dan negara.
4. Bekerjasama dan bergotong-royong.
5. Menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
6. Mengamalkan dasar demokrasi.
7. Keamanan negara.


**MEMBAWA BENDERA**

Bendera merupakan lambang penting dalam pergerakan pengakap. Pengakap hendaklah menghormati bendera, sama ada bendera Malaysia atau bendera negeri. Upacara menaikkan bendera pada satu-satu acara atau aktiviti pengakap seperti semasa perkhemahan, selain sebagai amalan pengakap, juga merupakan salah satu cara menghormati bendera.

Di dalam sesuatu perarakan atau perbarisan, bendera Malaysia mestilah mendahului bendera-bendera lain yang menyertai



**Rajah 14.3** Perarakan sebaris, bendera Malaysia mendahului bendera lain



**Rajah 14.4** Perarakan sederet, bendera Malaysia di tengah-tengah

perarakan tersebut. Jika perarakan itu diadakan secara sederet berhadapan, bendera Malaysia mestilah berada di tengah-tengah di antara bendera-bendera lain.


Tiga cara membawa bendera ialah seperti berikut:

1. Membawa di bahu tanpa berkibar. Pengakap hendaklah tahu membawa bendera tanpa berkibar di bahu. Caranya ialah dengan meletakkan kayu bendera di bahu kanan sambil bahagian yang diikat dengan bendera terjuntai di belakang. Kedudukan ini hendaklah selesa dan tidak mengganggu pergerakan pembawa, termasuk semasa berkawat. Tangan kiri hendaklah bergerak seperti biasa.
2. Membawa bendera yang berkibar. Cara lain membawa bendera yang berkibar ialah di hadapan badan. Untuk cara ini, pengakap hendaklah menggunakan penyokong bendera yang diletakkan di bahagian pinggang di hadapan seluar pengakap. Penyokong ini ialah untuk dimasukkan hujung kayu bendera. Tangan kanan pembawa akan memegang kayu bendera pada lebih kurang tengahnya,

## 2. PANDUAN LENCANA KEMAJUAN PENGAKAP MUDA

manakala tangan kiri dalam kedudukan biasa. Pembawa hendaklah pastikan agar selesa untuk bergerak.

3. Membawa bendera tanpa berkibar. Untuk membawa bendera tanpa berkibar, caranya adalah sama seperti bendera yang berkibar. Yang berbeza cuma hujung bendera hendaklah dirapatkan pada kayu dan dipegang bersama oleh pembawa.



Rajah 14.5 Tiga cara membawa bendera

# 15 Kejayaan

## CABARAN

### Mendayung Perahu/Berkano

#### *Membawa Kano Di Atas Bahu*

Perkara utama yang harus anda pelajari ialah membawa kano ke pinggir air. Cara mengangkat kano dengan selesa dalam jarak yang jauh ialah dengan membawa bahagian depan kano menghala ke atas bahu, dan membawa dayung dengan sebelah tangan lain. Anda akan dapati kano berada dalam keadaan yang betul.

#### *Membawa Kano Ke Permukaan Air*


Cara anda membawa kano ke pinggir laut ialah dengan menggenggam kano dan dayung di kedua-dua belah tangan, dengan bahagian depan kano menghala ke atas sehingga tiba di pinggir laut. Di permukaan air, anda haruslah letakkannya dengan berhati-hati dan memegangnya supaya ia tidak dihanyut air.

#### *Menempatkan Diri Dalam Kano*

Untuk menempatkan diri dalam kano, pegang dayung dekat dengan anda atau baringkan dayung di atas bahagian depan kano. Selepas itu, letakkan tangan anda di bahagian depan kano dan tolak kano ke dalam air dan sekarang cuba seimbangkan kano. Setelah mengimbangi kano, barulah anda masukkan kedua-dua belah kaki ke dalam tempat duduk lalu berdayung (Rajah 15.1)

Keluar dari kano adalah secara songsang. Keluarkan kaki dahulu, tangan kanan memegang dayung, sementara tangan kiri





Rajah 15.1 Menempatkan diri di dalam kano

memegang kano dan tarik kano itu ke atas pantai. *Ingat:* Jangan sekali-kali terjun dari kano!

#### *Kedudukan Yang Betul*

Semasa di dalam kano, anda seharusnya duduk dengan cara yang betul, iaitu lunjurkan kaki ke dalam tempat duduk, selepas itu kedua-dua lutut didekatkan dengan kedua-dua belah kano. Ini sudah tentunya akan menolong anda sekiranya kano dipukul ombak. Anda haruslah sentiasa mengimbangi kano supaya tidak berat sebelah.

#### *Mendayung Kano*

Sekarang anda akan belajar teknik-teknik mendayung kano secara kasar. Katakan anda berada dalam keadaan duduk dan memegang dayung pada kedua-dua belah tangan. Anda hendaklah mencelupkan sebelah daun dayung ke dalam air dan tariknya ke belakang, sementara sebelah daun dayung yang menghala ke atas ditolakkannya ke hadapan secara songsang. Untuk mara ke hadapan, anda seharusnya melakukan teknik ini secara berulang. Kedudukan badan seharusnya tetap, jangan bergerak ke hadapan dan belakang. Setelah itu, anda akan dapati mudah untuk mengawal kano, sama ada untuk memusing atau menukar arah. Kesemua ini akan anda pelajari setelah anda mempelajari tekniknya.



Rajah 15.2 Mendayung kano

#### *Perkara-perkara Yang Seharusnya Dipatuhi*

1. Jangan mendayung kano sekiranya anda tidak tahu berenang.
2. Sediakan beg angin di dalam kano dan memakai baju keselamatan untuk melindungi diri apabila kano terbalik di dalam laut.
3. Selalu mengambil tahu tentang keadaan kano, takat pasang surut air dan keadaan cuaca.
4. Jangan mendayung kano seorang diri. Jika mendayung kano, lebih baik beritahu rakan dan masanya sekali.
5. Jangan membawa orang lebih daripada had.
6. Jangan tukar tempat.
7. Elakkan daripada melanggar kano.
8. Elakkan mendayung kano ketika angin kencang dan laut bergelora.
9. Jangan terlalu bergantung kepada arahan yang diberikan di atas. Kesemua ini adalah bergantung kepada pengetahuan sendiri.
10. Selalu berjaga-jaga sebelum terlambat.

#### *Keselamatan*

Jika anda telah baca senarai perkara-perkara yang seharusnya dipatuhi oleh seorang pendayung kano, anda akan mendapati

penekanan selalunya diberi ke atas berenang. Sekarang, berenang adalah tidak merbahaya, tetapi kadangkala ia mendatangkan bahaya tanpa diduga. Oleh itu, anda dinasihatkan berlatih terbalikkan kano dan membawanya ke pantai untuk menge-ringkan serta membawanya ke permukaan laut semula. Anda harus memakai pakaian dan perkakas yang sesuai untuk berenang. Jika anda selalu berlatih mendayung, anda akan berasa gemar terhadapnya. Jika berasa takut mendayung kano, itu adalah kerana anda belum berlatih. Kalau anda ingin menjadi seorang pendayung kano yang baik, di sini ada beberapa perkara yang harus anda patuhi.

1. Anda haruslah menghadap ke hadapan dan berada dalam keadaan tenang apabila kano terbalik.
2. Letakkan kedua-dua belah tangan di belakang anda dan menolak supaya anda dapat keluar dari kano.
3. Selepas anda timbul di permukaan air, tarik kano ke pantai. Apabila kano berada di tepi pantai, angkat sebelah penjuru kano ke atas supaya air dapat keluar dan amalkannya beberapa kali sehingga kano kering.

#### *Memilih Dayung*

Sebelum anda belajar berdayung kano, terlebih dahulu anda haruslah memilih dayung yang bersesuaian dan belajar menggunakannya. Pada permulaan, anda haruslah memegang dayung itu secara tegak bersebelahan dengan anda. Selepas itu, pegang dan imbangkan dayung di atas kepala sehingga kedua-dua belah siku anda berada dalam keadaan sudut yang betul. Jika anda dapat pelajari teknik berdayung yang betul, sudah tentu akan banyak membantu anda semasa berdayung di laut.

#### *Berdayung Ke Hadapan*

Mula-mula tentukan dayung dipegang dalam keadaan yang betul di mana kedua-dua belah tangan dapat diluluskan dengan selesa pada takat aras mata. Selepas itu seludupkan daun dayung ke dalam air, lalu menarik daun dayung itu ke belakang. Sementara sebelah daun dayung yang menghala ke atas ditolak ke hadapan dan melakukannya secara song-



Aktiviti laut: Berkano

sang. Untuk mara ke hadapan, anda harus lakukan gaya ini secara berulang.

#### *Berdayung Ke Belakang*

Untuk berdayung ke belakang, caranya adalah songsang sama dengan cara berdayung ke hadapan. Setelah kedua-dua belah tangan yang memegang dayung dapat digerakkan dengan selesa barulah menyelamkan daun dayung dalam air, lalu anda menolak daun dayung itu ke depan. Sebelah daun dayung yang menghala ke atas ditolak ke belakang dan melakukannya secara songsang. Untuk mengundur, anda seharusnya melakukan teknik ini secara berulang.

#### *Berdayung Secara Tegak*


Pegang dayung secara tegak berdekatan anda dan selamkan daun dayung ke dalam air. Selepas itu barulah anda gerakkan daun dayung ke belakang dengan kuat dan diikuti dengan sebelah lain. Proses ini dibuat secara berulang sekiranya perlu. Sudah pasti berdayung secara tegak ini lebih laju daripada berdayung secara selari kerana lebih banyak tenaga diperlukan.

## AMALI

Pekerjaan Tangan: Membuat Piring Asid  
Daripada Logam

## Peraturan


1. Pilih satu rajah atau gambar yang sesuai.
2. Potong logam mengikut ukuran dan bentuk yang dikehendaki. Kikir dan licinkan tepinya. Jika bahagian-bahagian yang dimakan asid hendak ditimbulkan, buatlah proses menimbul dahulu dan kilatkan kawasan itu. Jika tepi dulang hendak dikedutkan, kilatkan logam itu dahulu.



Rajah 15.3 Membuat piring asid daripada logam

3. Bersihkan logam dengan cermat.
4. Lekatkan rajah atau gambar di tempat yang dikehendaki dan letakkan kertas karbon di bawah rajah itu.

5. Surihkan rajah logam dengan menggunakan pensel yang tajam atau pen *bull point* dan buatlah dengan teliti. Tentukan semua garisan telah disurihkan.



Rajah 15.4

6. Tanggalkan kertas rajah dari logam dan catkan logam untuk menghias asid garisan atau menghias asid kawasan dengan menggunakan berus yang sesuai.
7. Untuk logam yang rata, letakkan *pitty* di keliling tepi logam untuk menakung larutan asid supaya dapat dituang ke dalamnya. Untuk dulang, kedutkan tepinya dahulu dan kemudian catkan tepi atau garisan luarnya dan biarkan kering.
8. Dengan berhati-hati, kikiskan cat yang mungkin telah mengalir ke kawasan-kawasan rajah atau masuk ke garisan tepi.
9. Letakkan logam di atas kertas suratkhobar di luar makmal supaya rata. Perlahan-lahan dan berhati-hati tuangkan larutan asid ke atas logam. Dalam masa 5-10 minit, tindakan kimia akan bermula. Buih-buih gas akan kelihatan. Jangan hidu gas ini.
10. Apabila tindakan kimia sudah berhenti dan asid telah memakan logam hingga ke had yang dikehendaki, tuangkan asid dan bersihkan logam itu dengan air banyak-banyak.
11. Tanggalkan cat dengan *thinner* dan basuhkan logam itu sekali lagi.
12. Keringkan logam itu.


13. Dengan berhati-hati, kilatkan bahagian-bahagian yang tidak dimakan asid dengan penggilap logam.
14. Sapu lekar pada logam untuk mengelakkan logam itu daripada menjadi kusam atau sebu.

## KESUNGGUHAN

### Simpulan dan Ikatan

#### 1. Simpul Abah-abah (Manharness Knot)


Digunakan untuk membuat tanjul di tengah-tengah tali. Tanjul itu dimasukkan keliling dada dengan tujuan untuk menarik sesuatu barang. Ia boleh juga digunakan untuk membuat tali tangga.



Rajah 15.5

#### 2. Simpul Lilit Tindih Kejap (Rolling Hitch)



Simpul lilit tindih kejap digunakan untuk menambat tali yang kecil kepada tali yang besar apabila tarikannya serong, dan sebagai penarik tali yang besar digunakan semasa kapal atau bot hendak berlabuh di pangkalan.



Rajah 15.6

#### 3. Simpul Ngah (Middlemans's Knot)


Digunakan untuk membuat tanjul (gehung) di tengah tali—sesuai untuk pendaki bukit. Saiz tanjul ini boleh diubah mengikut kesesuaian orang itu.



Rajah 15.7

#### 4. Tindih Kasih Air (Water Bowline)


Digunakan untuk mengelakkan simpul daripada mengetat atau mudah lucut apabila ditarik dalam air.



Rajah 15.8

#### 5. Ikatan Pengail (Fisherman's Hitch)


Ikatan ini kuat dan kukuh. Ia sesuai digunakan untuk mendaki bukit atau untuk 'abseiling/rappelling'.



Rajah 15.9

6. *Lilitan Tong (Barrel Hitch)*


Simpulan ini digunakan bagi tujuan mengikat benda-benda berat seperti tong untuk ditarik seperti di dalam kapal, supaya ia mudah diangkat.



Rajah 15.10

7. *Sambat Mata/Sepit Ketam (Eye Splice)*


Digunakan untuk membuat gelung atau tanjul yang kekal di hujung tali.



Rajah 15.11

8. *Lilit Kacang/Ular (Floor/Snake Lashing)*

Digunakan untuk mengikat batang-batang kayu/buluh bagi membuat lantai untuk sesuatu gejek atau projek. Dimulakan dengan menggunakan Simpul Manuk dan diakhiri dengan Simpul Manuk juga.




Rajah 15.12

9. *Ikat Silang Tungku (Tripod Lashing)*

Digunakan untuk membuat gejek dan menyambung kayu, khas bagi mengikat tiga batang kayu/buluh yang sama besar dan panjangnya.



Ikatan ini dimulakan dengan menggunakan lilit balak atau Simpul Manuk dan bagi mematikan ikat silang tungku, Simpul Manuk digunakan.



Rajah 15.13

## MENDIRIKAN PONDOK SEMENTARA (BIVOVAC)

Mendirikan Sebuah Pondok Sementara (*Bivovac*)  
Serta Tidur Di Dalamnya Selama Semalam



Rajah 15.4 Membuat tempat tidur dengan cepat dan senang

## MASYARAKAT

Menyedia, Memasak Dan Melayan

Tarikh : .....  
 Tempat : .....  
 Masa : .....  
 Rakan : .....  
 Masakan : 1. ....  
 2. ....  
 3. ....  
 4. ....  
 5. ....  
 6. ....  
 7. ....

Tandatangan Penguji : .....  
 Nama Penguji : .....  
 Pangkat/Jawatan : .....  
 Tarikh : .....

### Contoh Arahan

- Menyedia, memasak dan melayan dengan mencapai nilai yang tinggi, satu hidangan makan tengah hari atau makan malam bagi empat orang. Masakan adalah seperti berikut:
  - Nasi putih.
  - Kari ayam.
  - Sejenis masakan sayur.
  - Sup sayur.
  - Buah-buahan.
  - Minuman.
- Mengetahui bahasa yang biasa digunakan dalam masakan seperti tumis, cencang, parut, suam kuku, manis-manis buah dan sebagainya.
- Mengetahui prinsip-prinsip memotong dan menghiris daging dan daging ayam, sebelum dan selepas dimasak.

4. Menyenyaraikan daftar makanan, ramuan dan harga makanan.
5. Mencatat cara-cara memasak.

### Hiburan

Pengakap juga dikehendaki melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan berbentuk hiburan sebagai satu cabang kemasyarakatan. Daripada kegiatan hiburan yang berbagai-bagai ini, mereka boleh sertai salah satu daripadanya, dan cuba tunjukkan kemajuan dan kemahiran di dalamnya. Kegiatan ini termasuk nyanyian, lakonan, nyanyian beramai-ramai, tarian dan silap mata. Mereka boleh gunakan kemahiran ini dalam penyertaan untuk masyarakat atau orang ramai.

### Temasya Unggun Api

Temasya ungun api yang merupakan satu aktiviti popular di kalangan pengakap, juga tergolong dalam aktiviti kejayaan untuk Lencana Jaya. Walaupun semua pengakap terlibat di dalam satu-satu temasya ungun api, namun penyertaan aktif seseorang pengakap boleh menentukan tingkat kelulusannya. Oleh itu, pengakap hendaklah dapat mengambil bahagian serta menjalankan temasya ini bagi masukannya atau perjumpaan perpisahan.

## 16 Perkhidmatan

### KEGUNAAN KAYU TUAP

#### Mengetahui Kegunaan Kayu Tuap Dalam Rawatan Patah Tulang Kaki Dan Patah Lengan


##### *Sebab-sebab Patah Tulang*

Jika ada tulang tercedera, kita katakan patah tulang. Patah tulang boleh disebabkan oleh faktor berikut:

1. Pukulan yang kuat dan tepat. Cedera berlaku pada tempat yang terkena pukulan, misalnya digelek roda kereta.
2. Pukulan sisi. Cedera berlaku jauh dari tempat yang kena, misalnya tulang selangka patah apabila terjatuh dan tangan tertekan.
3. Tersentak urat. Cedera berlaku oleh kerana urat yang terlekat pada tempatnya tersentak, misalnya, tempurung lutut pecah apabila menahan daripada jatuh ke belakang.


##### *Jenis-jenis Patah Tulang*

1. Patah rebung (*green-stick fracture*). Retak tulangnya, tetapi tidak terputus. Sering berlaku pada kanak-kanak.



Rajah 16.1

2. Patah tebu (*simple fracture*). Sedikit sahaja cedera berlaku pada sekeliling tempat yang patah, tidak menunjukkan luka terbuka.
3. Patah riuk (*compound fracture*). Lukanya di kulit, tulang tersembul keluar dan kuman boleh masuk.



Rajah 16.2



Rajah 16.3

4. Patah melarat (*complicated fracture*). Sesuatu perkakas di dalam badan mungkin tercedera, seperti tempurung kepala, paru-paru, jantung, buah pinggang ataupun saluran darah yang besar dan sebagainya.



Rajah 16.4

5. Patah remuk (*comminuted fracture*). Tulang pecah pada beberapa bahagian kecil.
6. Patah terenyuk (*impacted fracture*). Tulang patah dua dan salah satu hujung patah itu termasuk di antara satu dengan lain.

#### Tanda Dan Alamat

1. Rasa sakit pada atau dekat tempat patah.
2. Bengkak dan lebam.
3. Hilang tenaga—bahagian yang tercedera itu tidak boleh digerakkan seperti biasa.

4. Cacat pada anggota (*deformity of limb*), bentuk anggota ganjil.
5. Tulang berselisih—jika patah itu dekat dengan kulit, maka bolehlah dirasa perselisihan itu.

#### Tindakan

1. Rawat tulang patah di situ juga, jangan pindahkan pesakit dari situ kecuali jika tempat itu merbahaya.
2. Pegang baik-baik dan ampu bahagian yang perlu dan senangkan hatinya.
3. Elakkan pergerakan yang tidak perlu supaya tidak melarat cederanya.
4. Jaga supaya bahagian yang cedera tidak bergerak, dengan menggunakan pembalut segitiga dan badannya sebagai pengampu.
5. Jika berdarah, tahan darah dahulu dan jika tidak bernafas, pulihkan nafas dengan segera. Kemudian berilah pertolongan terhadap patah itu.
6. Panggil doktor ke situ.
7. Pembalut hendaklah diikat dengan kuat bagi mengelakkan pergerakan merbahaya. Jika terlalu ketat, longgarkan sebentar dan kemudian ikat semula. Lapik-lapik mesti digunakan di antara kedua-dua lutut dan pergerakan kaki jika bahagian ini diikat sekali lagi.
8. Gunakan tuap (*splint*) jika perlu. Tuap itu hendaklah dilapikkan dengan secukupnya. Gunakan tuap yang cukup panjang dan kuat ataupun ikatkan bahagian yang patah itu pada bahagian yang baik.

#### Tuap Gantian (*Improvised Splints*)

Tuap boleh disediakan dengan menggunakan tongkat, payung, kayu atau suratkhbar yang lipat keras, tetapi hendaklah cukup panjang dan kuat.

#### Perhatian:

Jika kecederaan berlaku berdekatan dengan kulit, jangan diikat betul-betul pada tempat yang patah itu. Gunakan beberapa banyak lapik di antara kedua-dua kaki dan di antara lengan dan badan.



*Patah Anggota Bawah (Lower Limb)*

## 1. Patah tulang paha (femur)


*Gejala-gejala*

Selain daripada gejala-gejala biasa, terdapat juga gejala-gejala berikut:


- (a) Boleh jadi kaki yang patah itu nampaknya pendek dari satu hingga tiga inci.
- (b) Kedudukan kaki itu tidak seperti biasa sebaliknya menghala keluar.

*Rawatan*

- (a) Rapatkan kaki yang baik pada kaki yang tercedera.
- (b) Gunakan tuap di antara anggota, memanjang dari pangkal paha ke kaki dan juga tuap yang lebih panjang, memanjang dari ketiak hingga ke hujung kaki yang patah.
- (c) Balutkan: Kenakan tujuh balutan:
  - (i) Di dada, dekat dengan ketiak.
  - (ii) Di punggung, segaris dengan sendi punggung.
  - (iii) Di pergerakan kaki.
  - (iv) Di paha, iaitu di atas dari bahagian yang patah.
  - (v) Di paha, iaitu di bawah dari bahagian yang patah.
  - (vi) Di kaki.
  - (vii) Di lutut.
- (d) Tuap-tuap yang digunakan itu hendaklah cukup panjang dan berlapis.




Rajah 16.5



Rajah 16.6 Patah tulang paha

2. Patah tulang betis (*lower leg*)*Rawatan*

- (a) Rapatkan kaki yang baik pada kaki yang tercedera.
- (b) Letakkan satu tuap yang berlapis di antara kedua-dua kaki.



Rajah 16.7 Patah tulang kaki

## (c) Balutkan:

- (i) Pembalut angka lapan di pergelangan kaki.
- (ii) Di paha.
- (iii) Di lutut.
- (iv) Di bawah dari bahagian yang patah.
- (v) Di atas dari bahagian yang patah.

*Patah Anggota Bahagian Atas (Upper Limb)*1. Patah lengan atas (*humerus*)


Boleh patah pada dua tempat, iaitu:

- (a) Di tengah-tengah dan boleh bengkokkan siku.
- (b) Dekat dengan sendi dan tidak boleh bengkokkan siku.

*Rawatan*

## (a) Patah di tengah-tengah dan boleh bengkokkan siku:

- (i) Gunakan anduh kecil.
- (ii) Gunakan tuap yang berlapis dan cukup panjang.
- (iii) Hantar ke hospital.



Rajah 16.8

## (b) Patah dekat dengan sendi dan tidak boleh bengkokkan siku:

- (i) Letakkan lengannya ke sebelah badan.

## (ii) Balutkan:

- satu pembalut lebar di keliling lengan atas dan badan;
- satu pembalut lebar di keliling siku dan badan;
- satu lagi pembalut lebar di sekeliling pergelangan tangan dan badan.



Rajah 16.9 Patah tulang lengan di mana siku tidak boleh dibengkokkan

2. Patah lengan bawah (*lower arm*)

Boleh patah di tiga tempat, iaitu:

- (a) Di tengah-tengah dan boleh bengkokkan siku.




Rajah 16.10

- (b) Dekat dengan sendi dan tidak boleh bengkokkan siku.  
 (c) Dekat dengan pergelangan tangan (*Colles's fracture*).

**Rawatan**

- (a) Patah di tengah-tengah dan boleh bengkokkan siku
- Letakkan lengan itu di sudut 90°.
  - Gunakan tuap yang berlapis dan cukup panjang.
  - Gunakan anduh besar.
  - Hantar ke hospital.
- (b) Patah dekat dengan sendi dan tidak boleh bengkokkan siku:
- Letakkan lengannya ke sebelah badan.
  - Balutkan:
    - satu pembalut lebar di keliling lengan atas dan badan;
    - satu pembalut lebar di keliling siku dan badan;
    - satu pembalut lebar di keliling pergelangan tangan dan badan.
- (c) Patah dekat dengan pergelangan tangan
- Gunakan tuap yang berlapis dan cukup panjang.
  - Jika teruk dan tidak dapat menggunakan tuap, gunakan pelapis yang lembut dan balutkan luka berhati-hati. Ampukan tangan dengan anduh.
  - Hantar ke hospital.



Rajah 16.11

**SISTEM PEMULIHAN NAFAS**

Terhentinya pernafasan mungkin disebabkan oleh kekurangan oksigen di dalam darah dan tisu-tisu darah dan tidak dapat menerima cukup bekalan, sebab:

- tidak banyak oksigen di dalam udara yang disedut masuk ke dalam paru-paru;
- paru-paru dan jantung berhenti bekerja seperti biasa.

Terhentinya pernafasan kebanyakannya menyebabkan tidak sedar diri atau pengsan yang berpunca daripada:

- lemas atau gas, asap di udara,
- tergantungan atau tercekik,
- tersumbat oleh makanan atau benda-benda,
- terhimpit dada,
- kecederaan elektrik,
- termakan atau terminum racun,
- otot kejang,
- lumpuh.

**Cara Pemulihan Nafas****Cara Meniarap**

- |                           |                          |
|---------------------------|--------------------------|
| 1. Cara Dr. Schafer       | 1 minit 12 kali 5 kiraan |
| 2. Cara Dr. Holger Nelson | 1 minit 10 kali 6 kiraan |

**Cara Telentang**

- |                         |                          |
|-------------------------|--------------------------|
| 3. Cara Dr. Silvester   | 1 minit 10 kali 6 kiraan |
| 4. Cara mulut ke mulut  | Tiada kiraan             |
| 5. Cara mulut ke hidung | Tiada kiraan             |
| 6. Cara tekanan di dada | 1 minit 60 kali          |

**Pemulihan Cara Mulut Ke Mulut Atau Mulut Ke Hidung**

Cara ini adalah yang paling berkesan kerana udara dihembuskan terus kepada mangsa. Walau bagaimanapun, cara ini hanya boleh dilakukan kepada mangsa yang tidak cedera di bahagian muka atau leher. Ingat, jangan membuang masa semasa memulihkan pernafasannya itu.

**Cara Pemulihan**


Pertama, periksa saluran pernafasannya, bersihkan semua sisa makanan atau buih dengan menggunakan jari-jari anda. Segera tanggalkan atau longgarkan pakaian ketat di bahagian leher, dada dan pinggang. Ampu lehernya dan rendahkan kepalanya bagi memastikan perjalanan udara lebih terbuka. Cubit hidung dengan jari dan tutup mulut dengan mulut anda.

1. Ampu batang leher dan rendahkan kepala belakang bagi memastikan perjalanan udara terbuka.



1. Ampu batang leher dan rendahkan kepala ke belakang bagi memastikan perjalanan udara terbuka.

2. Bantuan pernafasan secara *artificial* dari mulut ke mulut—cubit hidung si malang.



2. Bantuan pernafasan secara *artificial* dari mulut ke mulut—picit hidung si malang.

3. Letakkan bibir ke mulut dan tiuplah ke dalam paru-paru.



3. Letakkan bibir ke mulut dan tiuplah ke dalam paru-paru.

Rajah 16.12 Cara pemulihan pernafasan mulut ke mulut/hidung

Tiup kuat-kuat sebanyak empat kali pada mulut mangsa itu jika ia kanak-kanak dan enam kali jika orang dewasa. Kalau pesakit itu tidak mula bernafas, tiarapkannya dan tepuk dengan kuat untuk mengeluarkan apa-apa jua halangan. Kalau halangan itu keluar, mulakan pemulihan semula. Biasanya pemulihan mesti diberikan secara berterusan untuk sekurang-kurangnya satu atau dua jam sebelum mangsa itu pulih. Apabila telah pulih dan pernafasannya sudah stabil, alihkan ke kedudukan pemulihan atau berbentuk koma.

**Pemulihan Cara Schafer**

Cara dan perbuatan memulihkan nafas (cara meniarap) ini ialah bagi mereka yang tiada kesan luka pada dada atau perutnya.


1. Dengan tidak membuang masa periksa bahagian mulut, lubang hidung, lubang telinga bagi memastikan kalau-kalau ada benda yang menutup perjalanan nafasnya seperti tanah, lumpur atau sebagainya. Jika ada hendaklah dibersihkan dahulu.
2. Longgarkan tali leher, pinggang dan tali seluaranya.
3. Tiarapkan dan lurus kedua-dua tangannya ke atas dan palingkan mukanya ke sebelah kiri atau kanan supaya dapat lihat kedatangan pernafasannya semula.
4. Letakkan kedua-dua tapak tangan ke atas belakangnya di antara pinggang dan dadanya, lalu tekankan perutnya dan tolakkan ke atas berulang-ulang 16-20 kali seminit

sehingga kembali semula nafasnya atau sehingga pertolongan dari hospital tiba.

5. Semasa memulihkan nafasnya, suruh seorang lain memanggil ambulans dengan segera.
6. Sekiranya pertolongan dari hospital tiba, hendaklah diserahkan dia kepada doktor atau jururawat yang datang.
7. Sekiranya tidak pulih juga nafasnya, kes ini hendaklah diadukan ke balai polis yang berhampiran.

#### Pemulihan Cara Holger Nelson

1. Sama seperti cara yang pertama, iaitu periksa dan bersihkan mulut dan bahagian sekitarnya.
2. Longgarkan pakaiannya yang ketat.
3. Tiarapkannya dan lipatkan kedua-dua tangannya dan alaskan kepalanya ke atas tangannya dan palingkan mukanya ke sebelah kiri atau kanan.



- (a) Kedudukan pesakit dan orang yang menolong.
- (b) Peringkat tekanan.
- (c) Gerakan pertama, kira 'satu-dua'.
- (d) Gerakan kedua, kira 'tiga'.
- (e) Gerakan ketiga, kira 'empat-lima'.

Rajah 16.13 Memulihkan nafas pesakit yang hilang pernafasan: Cara Holger Nelson

4. Bertelekulah anda di sebelah kepalanya dan lerakkan kedua-dua tapak tangan anda ke atas belakangnya. Tekan ke hadapan perlahan-lahan dengan mengira 1-2-3 berulang-ulang selama setengah hingga satu jam atau sehingga pernafasannya kembali semula atau sehingga tiba pertolongan dari hospital.
5. Semasa anda memberi bantuan, suruhlah orang lain menghubungi hospital, dan meminta ambulans datang ke tempat kejadian seberapa segera.
6. Sekiranya ambulans tiba, serahkan pesakit kepada doktor atau jururawat untuk memberi pertolongan lebih lanjut.
7. Sekiranya ambulans tidak tiba juga, pulihkan pernafasannya dan jika diakui pesakit telah mati, hendaklah diadukan ke balai polis yang terdekat.

#### Pemulihan Cara Silvester

1. Cara ini hanya digunakan sekiranya pesakit tidak boleh ditiarapkan disebabkan oleh luka atau cedera di dadanya, atau diperutnya. Maka telentangkan dia dan periksa serta bersihkan bahagian mulut, lubang hidung dan lubang telinga daripada benda-benda yang menutup perjalanan pernafasannya.
2. Longgarkan pakaiannya yang ketat.
3. Tutupkan badannya dengan selimut.
4. Teleku di sebelah atas kepalanya dan pegang kedua-dua tangannya serta luruskan ke atas lalu lipatkan ke dadanya dengan perlahan-lahan berulang-ulang sebanyak 16 sehingga 20 kali dalam seminit, sehingga kembali semula nafasnya atau sehingga sampai pertolongan dari hospital.
5. Semasa menyenangkan pesakit, minta bantuan orang lain memanggil atau memegang dan menarik lidahnya keluar dengan menggunakan kain atau sapu tangan supaya lidahnya tidak menutup perjalanan nafasnya.
6. Suruh seorang lain memanggil ambulans dengan segera.
7. Bawa pesakit ke hospital sekiranya kembali pernafasannya, jika tidak, adukan ke balai polis berhampiran.

*Peringatan:* Ambulans tidak boleh membawa orang mati.